

LAMPIRAN 1

ARKIB : 29/10/2010

Orang Muda Buta Sejarah!

KUALA LUMPUR 28 Okt. - Pasti ramai terkejut dengan hakikat bahawa remaja hari ini tidak tahu siapa Perdana Menteri Malaysia yang pertama.

Tidak cukup dengan itu, bayangkan bagaimanalah tahap patriotisme remaja masa kini kalau tarikh Hari Kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957 yang disambut pada setiap tahun, pun boleh dilupakan.

Dalam satu soal selidik oleh Unit Khas *Utusan Malaysia* baru-baru ini, ada remaja menjawab Tun Razak Hussein sebagai Perdana Menteri pertama.

Hari Kemerdekaan pula dijawab dengan pelbagai tarikh oleh sekelompok responden. Antaranya 10 Ogos 1956, 31 Ogos 1943 dan 16 September 1957.

Walaupun keseluruhan responden berumur dari 16 hingga 51 tahun, namun mereka yang buta sejarah ini menjurus kepada kelompok usia di bawah 30 tahun, khususnya antara 16 dan 20 tahun.

Daripada situ, ia menjadi bukti bahawa ramai remaja generasi kini dan segelintir orang dewasa bukan saja buta sejarah malah bersikap tidak ambil tahu dan memandang remeh fakta-fakta penting bangsa dan negara.

Soalan-soalan yang dikemukakan kepada responden		
Soalan	Jawapan betul	Jawapan salah
1. Tarikh Hari Kemerdekaan Malaysia	183	17
2. Tema sambutan Hari Kemerdekaan 2010	59	141
3. Prinsip Rukun Negara ketiga	171	29
4. Cogan kata negara	74	126
5. Tarikh penubuhan Malaysia	102	98
6. Lagu Kebangsaan Malaysia	196	4
7. Nama bendera kebangsaan Malaysia	185	15
8. Bilangan negeri di Malaysia	160	40
9. Perdana Menteri Malaysia pertama	182	18
10. Perdana Menteri Malaysia keenam	181	19

NOTA: Jumlah responden 200 orang.

Hasil soal selidik tentang sejarah dan pengetahuan am negara menemukan kepada beberapa kesimpulan:

- Tun Abdul Razak Hussein disangka Perdana Menteri Malaysia pertama.
- Tun Abdullah Ahmad Badawi disangka Perdana Menteri Malaysia keenam.
- Masih terdapat rakyat Malaysia yang tidak mengetahui tarikh Hari Kemerdekaan negara.
- Kebanyakan responden mengaku pertama kali mengetahui tentang cogan kata negara, Bersekutu Bertambah Mutu.
- Ada di kalangan responden mengatakan Malaysia terdiri daripada 23 buah negeri.
- Pelbagai jawapan mengenai tarikh penubuhan Malaysia, antaranya ialah pada 1943 dan 1952.
- 'Belang' disenaraikan sebagai nama bendera kebangsaan Malaysia, Jalur Gemilang.

LAMPIRAN 2

ARKIB : 30/11/2010

Rakyat Cetek Fakta Sejarah

SHAH ALAM 29 Nov. - Pengetahuan rakyat di negara ini terutamanya generasi muda mengenai fakta sebenar sejarah termasuk membabitkan institusi diraja masih cetek, kata pakar sejarah, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim.

Menurut beliau, keadaan itu berlaku kerana mereka tidak dilengkапkan dengan ilmu sejarah yang sepenuhnya dan lebih berkesan di peringkat sekolah.

Baginya, sistem pendidikan di negara ini yang lebih memberi penekanan kepada subjek Sains dan Matematik juga menjadi penyebab masalah itu.

"Jika ditanya soalan-soalan seperti 'di seluruh dunia tiada negara yang ada dua raja, mengapa di Malaysia ada sembilan?' pasti mereka tidak dapat menjawab.

"Kebanyakannya mereka juga tidak faham maksud kerajaan dan sejak bilakah ada sembilan kerajaan berdaulat diasaskan di Tanah Melayu.

"Malah perbincangan mengenai institusi diraja di internet juga berlaku beberapa kesilapan fakta asas," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kertas kerjanya yang bertajuk *Kedaulatan Raja dan Peranan Dalam Sesebuah Negara Berbilang Bangsa* pada Wacana : Raja Berperlembagaan - Perspektif Sejarah, Kini dan Masa Hadapan di Dewan Jubli Perak, Bangunan Setiausaha Kerajaan (SUK) negeri di sini petang ini.

Sehubungan itu, kata Kay Khim, penjelasan mengenai sejarah negara perlu diberikan dalam sistem pendidikan agar golongan muda masa hadapan tidak tercari-cari dan keliru.

Ketika ditemui selepas pembentangan kertas kerjanya, beliau menyarankan agar peristiwa 1945 iaitu rampasan kuasa selama 13 hari oleh Parti Komunis Malaya (PKM) yang mengorbankan ramai rakyat pelbagai kaum di Tanah Melayu diingati oleh semua rakyat.

"Pada saya, peristiwa 1945 itu lebih besar kerana ia membabitkan kawasan di Batu Pahat, Johor sampai ke Sungai Manik, Perak dan Batu Kikir, Negeri Sembilan. Ia perlu diingati berbanding peristiwa 13 Mei 1969 yang hanya berlaku di Kuala Lumpur," katanya.

ARKIB : 30/11/2010

Sultan Selangor Kurang Senang

Oleh SAIFUL HAIZAN HASAM

saiful.hasam@utusan.com.my

SHAH ALAM 29 Nov. - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dukacita dengan segelintir pihak yang berhijrah ke negeri ini, terutamanya orang Melayu sendiri, yang sanggup mempersoalkan kedudukan dan keistimewaan orang Melayu, sama ada institusi raja Melayu masih relevan dan peranannya dalam sistem pemerintahan negara.

Baginda bertitah, tindakan golongan terabbit mempersoalkan perkara-perkara itu adalah bertunjangkan matlamat supaya sistem Raja Berperlembagaan yang ada sekarang disemak dan dikaji semula.

Titah baginda, golongan berkenaan juga telah mengemukakan alasan yang amat tidak tepat untuk merasionalkan matlamat itu kononnya negara telah menjalani arus pemodenan dan sistem yang diamalkan sekarang sudah tidak bersesuaian.

"Sehingga ada suara lantang daripada orang Melayu sendiri yang meminta perkataan 'Melayu' yang ada pada ungkapan 'Raja-Raja Melayu' hendaklah dihapuskan.

"Beta percaya perbuatan ini adalah untuk kepentingan mereka sendiri ataupun kepentingan politik mereka," titah baginda sewaktu berangkat ke majlis pembukaan Wacana Raja Berperlembagaan - Perspektif Sejarah, Kini dan Masa Depan, di sini hari ini.

Hadir sama pada majlis sempena sambutan Hari Keputeraan Sultan Sharafuddin ke-65 itu ialah Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan kepimpinan kanan kerajaan negeri.

Dalam perkembangan berkaitan, Sultan Sharafuddin turut melahirkan rasa sedih dengan generasi Melayu sekarang yang malu untuk mengakui diri sebagai seorang Melayu.

Justeru baginda melontarkan persoalan adakah mereka tidak mempunyai perasaan bangga dan megah sebagai orang Melayu sehingga sanggup menggadaikan perkataan 'Melayu' untuk dikorbankan sehingga lenyap dari dunia ini.

"Cuba kita baca sejarah yang ditulis oleh orang Inggeris yang mana ada tertulis 'Tanah Melayu', 'Negeri-negeri Melayu Bersekutu' dan juga ada menyebut 'Raja-raja Melayu'.



Sultan Sharafuddin Idris Shah

"Ini menunjukkan penulis-penulis Barat ini mengiktiraf akan adanya Melayu yang memulakan sejarah di negara ini," titah baginda.

Mengulas lanjut, baginda menjelaskan titahnya itu bukanlah bertujuan menyalakan api perkauman tetapi untuk menyatakan bahawa semua rakyat Selangor mesti berbangga dengan komposisi penduduk pelbagai keturunan di negeri itu.

Baginda turut menyeru rakyat Selangor supaya memahami sejarah negeri dan negara supaya tidak timbul syak wasangka antara satu sama lain.

"Kepada rakyat Melayu, beta ingin menyedarkan bahawa rakyat Melayu tidak akan hilang begitu sahaja kerana negeri ini adalah tanah tumpah darah kita dan di tanah bertuah ini juga tempat kita dikuburkan," tegas baginda.

Sementara itu, Sultan Sharafuddin bangga dan sukacita kerana kerajaan menjadikan Sejarah sebagai mata pelajaran wajib di sekolah namun pada masa sama menegur rakyat Selangor yang dianggapnya kurang membaca buku berkaitannya.

"Beta dapati rakyat beta kurang minat untuk membaca buku sejarah, dalam erti kata lain, rakyat Selangor ini ramai yang buta sejarah.

"Beta berharap rakyat Selangor dapat mengubah sikap untuk membaca lebih banyak buku sejarah berkenaan negara kita dan jangan membuang masa membaca buku-buku atau majalah-majalah yang hanya mengandungi gosip yang tidak memberi manfaat kepada kita," katanya.

LAMPIRAN 4

Jawatankuasa khas kaji kurikulum Sejarah ditubuh

2011/05/04



MUHYIDDIN mengadakan perjumpaan dengan Ahli Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah Sekolah Menengah di Putrajaya, semalam. Turut hadir Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Abd Ghafar Mahmud (kiri) dan Omar (kanan).

PUTRAJAYA: Tan Sri Muhyiddin Yassin menemui 10 anggota Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah Sekolah Menengah, yang dilantik berkuat kuasa semalam bagi memastikan kandungannya dapat memupuk semangat menjawai 1Malaysia di kalangan pelajar.

Timbalan Perdana Menteri, dalam kenyataan semalam, berkata jawatankuasa khas itu dipengerusikan oleh Datuk Omar Mohd Hashim yang juga Pengurus Persatuan Sejarah Malaysia, manakala timbalannya ialah Dekan Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Datin Paduka Prof Dr Ramlah Adam.

"Penubuhannya selaras dengan dasar kerajaan menjadikan mata pelajaran Sejarah wajib lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai 2013. Justeru, kita mahu mengkaji semula kandungan kurikulum dan buku teks Sejarah sekolah menengah.

"Matlamatnya, kurikulum Sejarah yang mahu diperkenalkan ini harus mampu melahirkan pelajar yang mempunyai perasaan cinta tanah air, sekali gus memperkuuh semangat setia negara dan jati diri sebagai warga Malaysia," katanya yang juga Menteri Pelajaran.

Ahli lain ialah Pakar Sejarah Jabatan Sejarah Universiti Malaya (UM), Prof Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim; Pakar Prasejarah Akademi Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Emeritus Datuk Dr Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman; Pensyarah Jabatan Sejarah UM, Prof Dr Danny Wong Tze Ken dan Pensyarah Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr Ranjit Singh Darshan Singh.

Anggota lain termasuk Ketua Jabatan Sejarah Universiti Sabah (UMS), Prof Madya Dr Ismail Ali; Penolong Prof Dr Shamrahayu Abdul Aziz dari Fakulti Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM); Timbalan Dekan Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Dr Neilson Ilan Mersat dan wakil Persatuan Kebudayaan Kadazandusun, Dr Benedict Topin.


Perjumpaan pertama jawatankuasa khas itu berlangsung di Kementerian Pelajaran, semalam dan akan mengadakan perbincangan selama setahun untuk menyumbang pendapat atau memberi cadangan dalam empat aspek utama bagi menjadikan mata pelajaran Sejarah wajib lulus dalam peperiksaan SPM mulai 2013. Ia termasuk mengkaji kesesuaian kandungan kurikulum subjek Sejarah dan buku teks Sejarah sedia ada dengan hasil pembelajaran Sejarah yang menekankan penghayatan dan pengalaman perpaduan serta patriotisme selain mengkaji ketepatan fakta.

Perjuangan UMNO Sangat Bermakna dan Terus Relevan – Syed Naquib

Oleh: Ropikah Ahmad

KUALA LUMPUR, 11 Mei – Profesor Datuk Dr. Syed Muhammad Naquib Al-Attas yang dinobatkan sebagai Tokoh Melayu Terbilang sempena Hari UMNO ke-65 melihat UMNO sebagai sebuah parti yang sangat bermakna dan perlu terus diperturunkan kepada generasi akan datang untuk kesinambungan masa hadapan.

Katanya, perjuangan UMNO hari ini jika dibandingkan dengan dahulu terlalu banyak perubahan-perubahan yang berlaku bukan sahaja kepada orang Melayu dan Islam tetapi ia juga turut memberi pengaruh kepada perkembangan semasa dari dalam dan luar.



“Dalam perjuangan UMNO ini, alhamdulillah saya lihat sudah mulai ada keinsafan bahawa soal adab itu penting kerana adab itu ilmu yang bukan dipelajari di Universiti tetapi harus diturun temurunkan untuk mereka terus faham maksud perjuangannya.”

Beliau yang mendapat pendidikan dalam bidang keagamaan, kebudayaan, sastera, bahasa dan banyak menyumbang kepada penghasilan karya-karya besar telah menyuntik semangat nasionalisme dan falsafah dalam tradisi masyarakat Melayu.

“Berkenaan dengan relevan dalam perjuangan UMNO maka ia tetap relevan bukan hanya sekarang tetapi di masa-masa lain pun apa lagi kalau sekiranya sudah banyak perubahan untuk membuat pembetulan dalam kesilapan-kesilapan lampau. Ini bermakna ia akan terus relevan apatah lagi sekarang kerana banyak fahaman-fahaman intelektual yang didatangkan kepada pemuda-pemuda kita.

“Menuntut ilmu itu penting walaupun kita harus tuntut ilmu kemajuan seperti sains dan teknologi tetapi ia harus dilandaskan atas dasar tradisional kita sendiri terutamanya soal-soal adab, soal akhlak. Bukan saja semata-mata satu dua perkara, yang disebut integriti tapi tidak ada diberi makna apa yang harus dilakukan bagi mendatangkan integriti itu.”

Jelasnya lagi, semua perkara harus diberi pemahaman berkaitan agama dengan betul apatah lagi perjuangan UMNO hari ini bukan seperti dahulu untuk kemerdekaan atau keluar dari kemiskinan tetapi hari ini jauh lebih luas lagi hingga ke duan luar.

“Saya fikir bahawa tugas seperti ini UMNO terus akan menjadi terus relevan iaitu kita harus dengar dan perhatikan kata-hikmat daripada orang yang mempunyai ilmu tentang hal-hal macam ini dan lebih dari itu kita perlu praktikkannya. Kalau kita tidak mahu dengar ini semua maka akan timbul banyak masalah.”

Tegasnya, UMNO harus sedar dan menggunakan ilmu dengan mendengar dan belajar daripada orang yang benar-benar tulen ilmunya dan bukan yang hendakkan pangkat atau yang mahukan cita-cita sahaja.

“Pemimpin mesti belajar dengan orang yang ikhlas dengan dirinya sendiri yang ilmunya itu ditujukan untuk bangsanya, kebaikan bangsanya dan dengan ikhlas ikhlas juga melakukannya. Saya fikir ini yang kita hadapi selain cabaran-cabaran daripada intelek barat dalam melihat ketamadunan kita,” ujarnya.

Beliau yang merupakan ahli falsafah dan ketamadunan Islam telah menulis lebih 20 buku dan monograf, baik dalam bahasa Inggeris, Melayu dan banyak selain diterjemahkan ke dalam bahasa lain, seperti bahasa Arab, Persia, Turki, Urdu, Malayalam, Indonesia, Perancis, Jerman, Rusia, Jepun, India, Korea, dan Albania.

Ketokohan beliau meliputi pelbagai bidang termasuk bertanggungjawab merancang dan merekabentuk bangunan kampus Institut Pemikiran Islam dan Ketamadunan Antarabangsa (ISTAC).

Syed Naquib adalah penerima ketujuh sejak anugerah Tokoh Melayu terbilang diwujudkan pada tahun 2005 dengan dimulakan kepada Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz, Tan Sri Shamsuddin Abdul Kadir (2006), Datuk Ibrahim Hussein (2007), Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid (2008), Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary (2009) dan Tan Sri Zainuddin Maidin (2010). – MediaUMNO

ARKIB : 10/09/2011

Silibus Sejarah tentang Alam Melayu disemak



Raja Zarith Sofiah Sultan Idris mendengar penerangan Syed Muhammad Naquib Al-Attas (kiri) mengenai buku tulisannya sambil diperhatikan oleh Zaini Ujang (dua dari kiri) dan Mohamed Khaled Nordin pada majlis pelancaran buku *Historical Fact and Fiction* di Kampus Antarabangsa UTM, Jalan Semarak, Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR 9 Sept. - Sukatan pelajaran subjek Sejarah akan disemak bagi memastikan tidak ada fakta berkaitan Alam Melayu yang tertinggal atau tidak lengkap agar selaras dengan hasil kajian tokoh intelektual, Prof. Tan Sri Dr. Syed Muhammad Naquib Al-Attas dalam buku terbarunya *Historical Fact and Fiction*.

Sehubungan itu Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, kajian mengenai perkara itu perlu dilakukan dengan mendalam oleh ahli-ahli sejarah.

Bagaimanapun menurutnya, dalam soal ini bukan bermakna sejarah diputar-belit seperti dalam isu Bukit Kepong, sebaliknya ia lebih kepada mencari kebenaran bagi sesuatu perkara yang tidak ditulis dengan baik.

"Lepas itu macam mana nak sebarkannya, nak jadikan silibus sekolah menengah atau universiti ke kita akan fikirkan, soalnya sekarang kita nak kaji dulu '*what is the real*' sejarah," katanya pada majlis pelancaran buku itu di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kampus Antarabangsa di sini, hari ini.

Isteri Sultan Johor yang juga Canselor UTM, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah berkenan menyempurnakan pelancaran buku itu.

Syed Naquib di dalam buku itu menimbulkan beberapa persoalan kemungkinan beberapa sejarah penting tidak dicatatkan sebelum zaman Kesultanan Melaka dan beberapa fakta juga adalah berat sebelah.

Penulis juga mendedahkan kesilapan dan kekeliruan dalam menentukan tarikh-tarikh peristiwa bersejarah yang tidak didasarkan kepada bukti sah dan kukuh serta andaian tidak sewajarnya mengenai kesan-kesan agama dan budaya dalam sejarah masyarakat rantau ini melalui proses Islamisasi.

Menurut Mohamed Khaled, hal itu mungkin berlaku kerana sejarah diambil daripada penulisan Barat.

"Selama ini kita lihat sejarah Islam di sini bermula pada zaman Kesultanan Melaka dan kita terima itu sebagai hakikat. Tetapi buku itu telah membangkitkan beberapa persoalan bahawa ada perkara lain yang tidak dicatatkan berlaku. Penulisan Barat mengenai sejarah kedatangan Islam bermula semasa Portugis datang ke sini," katanya.

Namun, beliau memaklumkan bahawa buku itu tidak akan digunakan bagi menggantikan buku teks sedia ada di peringkat sekolah, sebaliknya akan dijadikan rujukan bagi kajian yang lebih mendalam.

Sementara itu, Naib Canselor UTM, Prof. Datuk Dr. Ir. Zaini Ujang berkata, buku terbitan UTM Press itu memberi interpretasi baru kepada sejarah Alam Melayu.

Beliau mengambil contoh satu fakta di dalam buku itu yang menyatakan bahawa nama 'Melaka' adalah diambil daripada perkataan Arab yang membawa maksud 'pelabuhan' berbanding sejarah awal bahawa ia datangnya daripada pokok melaka.

LAMPIRAN 7

BERITA HARIAN online

Nama tokoh falsafah Islam diabadi di perpustakaan ISTAC

2012/05/22

KUALA LUMPUR: Perpustakaan Institut Pemikiran Islam dan Ketamadunan (Istac) kini dikenali sebagai Perpustakaan Syed Muhammad Naquib Ali Al-Attas bagi menghargai sumbangan tokoh falsafah Islam dan Tokoh Melayu Terbilang 2011 itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, sumbangan Tan Sri Profesor Dr Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam kajian mengenai tamadun Islam sangat tinggi sehingga memberi idea kepada penubuhan Istac pada 1987.

"Tokoh ini telah menghasilkan banyak karya berkaitan Islam sejak 1970 sehingga kini dan hasil penubuhan Istac telah membantu penuntut universiti melakukan kajian dan penelitian mengenai Pemikiran dan Peradaban Islam serta memberikan respon yang kritis terhadap Peradaban Barat," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan perpustakaan itu di sini, hari ini.

Turut hadir, Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Profesor Datuk Seri Zaleha Kamaruddin dan Datuk Dr Syed Ali Tawfik Al-Attas, yang mewakili bapanya, Profesor Dr Syed Muhammad Naquib Ali Al-Attas.

Selain sumbangannya dalam penulisan buku, Jamil Khir berkata, kerajaan juga amat menghargai jasa Prof Dr Syed Muhammad Naquib dalam membuat kajian dan menyelamatkan dokumen berkaitan Islam.

"Usaha Prof Dr Syed Muhammad Naquib menyelamat dan membaiki lebih daripada 10,000 manuskrip dan pelbagai dokumen serta rekod kandungan perpustakaan abad ke-16 iaitu Perpustakaan Gazi Husrev Beg di Bosnia dan dipindahkan dalam bentuk 'microfilm' menerusi kerjasamanya dengan seorang bekas pengajar Istac, Dr Mustafa Ceric, harus diberi pujian," katanya.


Sehubungan itu, Jamil Khir berkata, Istac dan UIAM harus memulihara bahan yang terdapat dalam perpustakaan itu dengan cermat kerana koleksi berkaitan tamadun Islam itu turut diiktiraf oleh tokoh akademik dari Universiti Oxford, Universiti Cambridge dan Universiti Harvard.

Sementara itu, ketika ditanya pemberita mengenai buku Irshad Manji bertajuk "Islam, Liberty and Love", beliau berkata, ia masih disiasat Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Irshad, wanita berfahaman Islam liberal, turut memperjuangkan hak lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT).

Pada 30 Julai 2009, buku Irshad bertajuk 'The Trouble With Islam Today' diharamkan mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 kerana kandungannya mempropagandakan akidah, hukum dan ajaran yang bercanggah dengan fahaman mazhab Ahli Sunah Wal Jamaah. - BERNAMA

LAMPIRAN 9



Syed Muhammad Naquib al-Attas